

## MSM SUMBANG TV PINTAR BAGI PERKASA TRANSFORMASI PENDIDIKAN

Menyokong penggunaan teknologi baharu dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

**SLIM RIVER, OGOS 25, 2022** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menerusi anak syarikatnya MSM Prai Berhad telah menyumbang sebanyak 15 unit TV pintar 50 inci bernilai RM45 ribu kepada Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang (SK Sungai Behrang) yang merupakan sebuah sekolah di dalam kawasan FELDA Sungai Behrang, Slim River, Perak. Sumbangan ini bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur pendidikan di sekolah tersebut selari dengan agenda transformasi pendidikan negara 2025 Program Transformasi Sekolah (TS25) yang telah dilaksanakan sejak 2015. Tiga objektif TS25 adalah untuk menggunakan konsep dan amalan pengajaran terbaik, membangunkan kepakaran dalaman melalui latihan berstruktur komprehensif untuk pedagogi dan kepimpinan dan membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan pembangunan pelajar

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata penggunaan televisyen pintar merupakan satu medium untuk guru-guru mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran secara interaktif dan dapat memenuhi keperluan penggunaan teknologi baharu dan terkini dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas dan secara tidak langsung memberi akses pendidikan berkualiti bagi murid luar bandar.

“MSM sentiasa menyokong pembangunan golongan muda sebagai sebahagian daripada rangka kerja perniagaan sosial kami terutamanya dalam kalangan pelajar yang merupakan generasi peneraju dan penggerak negara. Dengan sumbangan ini, kami berharap para pelajar akan lebih bersemangat untuk pergi ke sekolah dan memberi inspirasi kepada mereka untuk meneroka pendidikan STEM (Sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dan seterusnya mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Sememangnya amat menarik dapat menyaksikan penggunaan platform teknologi ini secara langsung dalam bilik darjah yang merupakan sebahagian daripada lawatan majlis hari ini dengan tahap interaksi dan semangat pelajar yang sangat tinggi,” jelas Syed Feizal.

Turut hadir pada majlis sumbangan tersebut adalah Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohammad Shariff, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM, Hasni Ahmad, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Muallim, Saiful Bin Abu Bakar, Guru Besar SK Sungai Behrang, Narizan Bin Baserah, pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pengurusan MSM.



Ditubuhkan pada 1968, kini Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang mempunyai seramai 334 orang murid, 32 orang guru dan empat kakitangan pentadbiran. Sekolah ini telah menjadi nadi penggerak masyarakat setempat dan dinobatkan sebagai Sekolah Transformasi TS25 kohort ke-5 pada tahun 2020. TS25 adalah salah satu usaha untuk melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran bermakna yang diterajui oleh pemimpin berkesan, guru berkualiti dan disokong oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta komuniti.

**-TAMAT-**

#### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

#### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

#### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)